

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, October 20, 2019 7:56 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Universiti Tempat Sediakan Mualim Dan Muadib



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 OKTOBER 2019 / 21 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UNIVERSITI TEMPAT SEDIAKAN MUALIM DAN MUADIB



UUM ONLINE: Universiti diingatkan supaya bukan sahaja menjadi tempat menyediakan mualim tetapi juga muadib iaitu memberikan pencerahan tentang adab.

Canselor, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah bertitah, penubuhan sesebuah universiti adalah sebagai usaha untuk meneroka dan mendalami ilmu pengetahuan.

Titah baginda, semua sedia maklum bahawa dengan ilmu pengetahuan, graduan akan mempunyai peluang yang lebih cerah untuk memainkan peranan dalam masyarakat di masa hadapan.

"Yang lebih utama ialah mencari ilmu yang dapat meningkatkan kebijaksanaan kerana apabila seseorang insan mempunyai ilmu dan adab, tentunya insan tersebut menjadi aset kepada masyarakat yang amat bernilai.

"Apabila adab digabungkan dengan kebijaksanaan akan menjadi teras utama dalam menzahirkan perpaduan sesebuah masyarakat. Oleh itu, kedua-dua elemen tersebut perlu disemai dan disuburkan dalam sesebuah negara, khususnya bagi negara majmuk seperti Malaysia agar perpaduan yang

sekian lama wujud dapat dilestarikan demi masa depan negara," titah baginda pada sesi pertama Majlis Konvokesyen ke-32 UUM di Dewan Mu'adzam Shah, semalam.

Baginda juga mengingatkan tentang kepentingan perpaduan dalam pembangunan sesebuah negara kerana Tanpa perpaduan dan keharmonian, adalah mustahil negara untuk maju seperti hari ini.

Titah baginda, konsep kesejahteraan dimanifestasi dari segi taraf dan kualiti hidup yang merangkumi pelbagai aspek yang mana ia memberikan manfaat kepada rakyatnya.

"Pada hemat Beta, konsep kesejahteraan ini bermula dengan diri individu kerana individu yang membentuk masyarakat. Elok individu dalam masyarakat, maka eloklah masyarakat dan negara.

"Beta menyeru agar prinsip asas dalam membina kesejahteraan masyarakat dan melestarikan pembangunan di negara yang kita cintai ini dapat difikirkan bersama. Prinsip tersebut adalah mewujudkan rasa kasih sayang bagi setiap individu agar dapat timbul rasa simpati dan empati, bukan sahaja kepada manusia, malah kepada seluruh alam," titah baginda lagi.

Selain itu, baginda juga menyeru agar menerapkan konsep 'islah' iaitu memastikan segala perkara yang dilakukan membawa perubahan yang baik dalam masyarakat.

Titah baginda, semua pihak perlu bersama-sama meletakkan keutamaan atau dalam perkara yang lebih penting dan membawa kebaikan kepada masyarakat umum, lebih daripada kepentingan individu dan tangani sesuatu perkara itu dengan penuh berhemah serta tidak secara terburu-buru.

"Ingatlah, 'Yang pipih tidak datang melayang, yang bulat tidak datang bergolek'. Kekuatan yang ada, harus diasah dan diperbaharui dengan pelbagai kemahiran yang akan terus muncul selaras dengan tuntutan Revolusi Industri 4.0," titah baginda.

Pada majlis itu, Tuanku Canselor telah perkenan mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Korporat) kepada Pengarah KPJ Healthcare Berhad, Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir dan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Perniagaan Antarabangsa) kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Tan Chong Motor Holdings Berhad, Dato' Khor Swee Wah @ Koh Bee Leng.

Selain daripada Ijazah Kehormat, UUM turut menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus kepada Penolong Naib Canselor (Keusahawanan & Kelestarian Kewangan), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof. Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Din dan Dekan Sekolah Perniagaan dan Sains Sosial (SBSS), AlBukhary International University (AIU), Prof. Dato' Dr Jamalludin Sulaiman.

Seramai 89 graduan terdiri penerima Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana serta dua penerima Anugerah Pelajaran Diraja dan seorang penerima Pingat Emas Canselor menerima ijazah masing-masing pada sesi pertama semalam.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.